

Pembinaan Model Tasmik Al-Quran Dalam Talian: Kajian Dan Pelaksanaan Terhadap Pelajar-Pelajar Sijil Tahfiz Al-Quran UNISZA

Nor Hafizi Yusof

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak
Kuala Nerus Terengganu
Tel: 0139201495 E-Mel: nhafizi@unisza.edu.my

Aman Daima Bin Md. Zain

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak
Kuala Nerus Terengganu
Tel: 0 199559325 E-Mel: amandaima@unisza.edu.my

Abdillah Hisham bin Ab Wahab

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak
Kuala Nerus Terengganu
Tel: 0139351241 E-Mel: abdillahh@unisza.edu.my

Fatimah Zaharah Binti Ismail

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak
Kuala Nerus Terengganu
Tel: 0 199689737 E-Mel: fatimahzaharah@unisza.edu.my

Hussein Ali Abdullah al-Thulaia

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak
Kuala Nerus Terengganu
Tel: 0 139452070 E-Mel: husseinali@unisza.edu.my

Abstrak

Kelas Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA ditubuhkan untuk membantu para pelajar lepasan tahfiz di pelbagai bidang pengajian di UniSZA untuk menjaga dan memperkemaskan hafazan al-Quran mereka. Namun begitu antara masalah yang dihadapi ialah sebahagian pelajar yang tidak sempat menghadiri kelas tasmik yang ditetapkan dan tidak mampu meneruskan program hafalan dan murajaah disebabkan faktor kesibukan dengan program rasmi akademik dan ko-kurikulum. Keadaan ini menggambarkan bahawa sebahagian pelajar menghadapi masalah untuk menjaga hafalan al-Quran mereka secara bersendirian tanpa program bimbingan khas. Sehubungan itu perlunya kajian penilaian dan penambahbaikan terhadap kelas tasmik al-Quran secara tradisional dan bersemuka kepada satu kaedah yang lebih efisien sesuai dengan permasalahan pelajar dan keperluan semasa. Justeru, pembelajaran dalam talian adalah satu kaedah yang sangat relevan dengan mengambil kira pelaksanaan berasaskan kemudahan

teknologi moden tanpa mengabaikan asas-asas *talaqqi* yang diwarisi dari zaman Rasulullah saw dan sahabat r.a. Kajian ini bertujuan menyelesaikan permasalahan hafazan mahasiswa-mahasiswa tahfiz al-Quran di IPT. Kajian ini juga bertujuan membina Model Tasmik al-Quran dalam Talian untuk diimplimentasikan terhadap mahasiswa-mahasiswa tahfiz al-Quran di IPT. Kajian ini akan melalui fasa analisis keperluan, Fasa mereka bentuk model dan fasa Membangunkan model. Ia juga akan dirangka berdasarkan empat element penting dalam penjagaan hafazan al-Quran iaitu *talaqqi*, *tasmik*, *murajaah* dan ujian *thabit* hafazan. Hasilnya satu model tasmik al-Quran dalam talian akan dirangka khas berdasarkan ciri-ciri *talaqqi* dan musyafahah yang disesuaikan dengan pembelajaran atas talian sebagai alternatif kepada para pelajar tahfiz di IPT khususnya pelajar-pelajar Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA.

Kata kunci: Model Tasmik – Al-Quran -Sijil Tahfiz- Dalam Talian.

1. Pengenalan

Dewasa kini, perkembangan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mencetuskan fenomena dan memberi kesan terhadap kehidupan manusia. Penggunaan ICT adalah merangkumi semua bidang teknologi yang digunakan untuk pengendalian dan penyampaian informasi khususnya dalam bidang pendidikan.⁴⁸⁹ Manakala teknologi komputer merupakan revolusi terbaru yang membuka dimensi baru dalam kaedah penyampaian maklumat. Teknologi multimedia memberikan komputer peribadi kemampuan untuk mempersembahkan video bergerak, grafik warna yang beresolusi tinggi dan animasi yang canggih disamping penerangan bersuara serta muzik bersterio.⁴⁹⁰

ICT memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran malahan ianya mempengaruhi aspek pengurusan dan inovasi teknologi yang meningkatkan penggunaan pelbagai alat komunikasi mudah alih seperti tablet, komputer riba dan telefon pintar. Justifikasinya, penggunaan teknologi pelbagai mudah alih ini telah membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih baik. Pengaplikasian teknologi yang semakin meluas sedikit sebanyak dapat menutup kelompangan yang dirasai sepanjang menjalankan pembelajaran secara tradisional.⁴⁹¹

Justeru, proses penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran juga menerima kesan daripada perkembangan dunia teknologi ini khususnya dalam pengajaran al-Quran yang melibatkan proses *talaqqi* dan *tasmik*. Keistimewaan dan kelebihan ini perlu diambil peluang oleh para pelajar dan guru tahfiz al-Quran dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya pengajian al-Quran.

⁴⁸⁹ Japhet E. Lawrence & Usman A. Tar (2018). *Factors That Influence Teachers' Adoption And Integration Of ICT In Teaching / Learning Process*. Educational Media International 55(1), 79

⁴⁹⁰ Kamarul Azmi Jasni & Ab. Halim Tamuri. (2019), *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor : UTM Press, 247-248.

⁴⁹¹ Ritanjali Panigrahi, Praveen Ranjan Srivastava & Dheeraj Sharma (2018), *Online Learning: Adoption, Continuance, and Learning Outcome—A review of Literature*. International Journal of Information Management 43(May), 1

2. Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PPDT)

Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PPDT) ialah merujuk kepada proses penyampaian ilmu melalui internet atau media yang berasaskan web.⁴⁹² Namun menurut Syed Lamsah Syed Chear pembelajaran dalam talian adalah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudah cara proses pembelajaran dan pengajaran.⁴⁹³ Ini menunjukkan proses PPDT dilakukan sepenuhnya melalui teknologi berasaskan akses internet. Hapini Awang telah meluaskan maksud PPDT dimana menurut beliau PPDT lazimnya diiktiraf sebagai platform berasaskan internet yang menyokong pelbagai aktiviti pendidikan termasuk dalam talian kursus, kuiz dan tutorial.⁴⁹⁴ Secara sintesisnya, PPDT merupakan satu kaedah alternatif pengajaran dan pembelajaran yang berperanan menghubungkan pengguna jarak jauh untuk mewujudkan interaksi yang berkesan. Selain itu, PPDT merujuk kepada penggunaan medium pembelajaran yang berasaskan teknologi secara maya dengan menggunakan kemudahan internet dan kepelbagaian alat atau gajet. PPDT juga boleh dikatakan sebagai satu usaha individu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan melalui kaedah yang lebih moden mengikut situasi semasa dan menjadikan proses pembelajaran itu sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

Kemajuan teknologi pendidikan dan media sosial pada hari ini telah memberikan kesan yang sangat ketara terhadap sistem pendidikan khususnya pembelajaran al-Quran. Berasaskan sistem *talaqqi* secara tradisional, kaedah pembelajaran al-Quran mula berkembang daripada kaedah bersemuka ke arah pembelajaran dalam talian dengan pelbagai medium seperti Google Meet, Facebook live, Zoom, Treans dan sebagainya. Banyak institusi-institusi pengajian al-Quran telah mengambil inisitif memperkenalkan kelas-kelas pembelajaran Al-Quran seperti *tajwid*, *talaqqi*, *tarannum*, dan hafazan secara dalam talian.⁴⁹⁵

Menurut sumber Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Pengajian al-Quran dalam talian adalah satu kaedah untuk mempelajari ilmu tilawah al-Quran menggunakan teknologi moden. Konsep kelas al-Quran dalam talian dirujuk sebagai guru yang mengajar secara terus melalui media sosial daripada pelbagai aplikasi seperti Facebook, Instagram, Telegram, Skype, WhatsApp atau panggilan telefon. Kaedah pembelajaran dalam talian ini adalah sama ada guru membaca al-Quran secara langsung (Facebook atau Instagram live) sebagai pembelajaran umum atau meneliti bacaan individu tertentu melalui video WhatsApp, panggilan Telegram, Facebook Messenger dan panggilan telefon. Usaha murni ini telah memudahkan hubungan orang ramai dengan kelas al-Quran.⁴⁹⁶

⁴⁹² Kyungmee Lee (2017), *Rethinking The Accessibility Of Online Higher Education: A Historical Review*. The Internet and Higher Education 33, 7.

⁴⁹³ Syed Lamsah Syed Chear (2017), *Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta*. Jurnal Pendidikan Malaysia 42(2), 89

⁴⁹⁴ Hapini Awang, Wan Rozaini Sheik Osman & Zahurin Mat Aji. (2019), *A Conceptual Model to Evaluate Virtual Learning Environment among Malaysian Teachers*. Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering 10(2-4), 59.

⁴⁹⁵ Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias, Zainora binti Daud (2020). *Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Di Era Covid-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As-Sunnah*. Proceedings of the 7 th International Prophetic Conference (SWAN) 2020. FPQS,Universiti Sains Islam Malaysia,

⁴⁹⁶ <https://www.muftiwp.gov.my> 10 Julai 2022

Pada masa kini, pembelajaran al-Quran secara dalam talian menjadi pilihan kebanyakan guru-guru al-Quran dalam menyalurkan ilmu al-Quran ekoran penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19). Pembelajaran dan pengajaran ilmu tajwid secara teori dan praktikal (*talaqqi*) semakin berkembang secara dalam talian. Pelbagai pendekatan digunakan dalam menyampaikan ilmu al-Quran kepada masyarakat secara dalam talian seperti Facebook live dan YouTube live. Perkara yang disampaikan ialah berbentuk ilmu tajwid teorikal dan penyampaian berbentuk sehala dan boleh dikategorikan dalam kaedah *talaqqi* berbentuk *al-talqin*.

Antara pelaksanaan yang dilakukan mengumpul pelajar melalui platform Zoom, google meet dan sebagainya di dalam kelas secara maya. Para pelajar membaca al-Quran secara bergilir-gilir dan guru akan menegur mereka sekiranya berlaku kesalahan di dalam bacaan. Pelaksanaan ini termasuk dalam kaedah *talaqqi* berbentuk *al-ardh*, iaitu *talaqqi* secara tradisional. Perbezaannya pelajar dan guru tidak bersemuka secara langsung sebagaimana kelazimannya. Namun pembelajaran al-Quran secara online ini bergantung kepada kekuatan dan kelajuan capaian internet bagi memastikan guru dan pelajar dapat berkomunikasi dengan berkesan disamping kejelasan gambar supaya guru dan murid dapat memerhatikan pergerakan bibir dan mulut masing-masing dengan tujuan untuk mengenalpasti sebutan huruf yang betul.

Syeikh Dr. Ahmad Isa al-Ma'sorowi⁴⁹⁷ Ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "*Talaqqi Online*" pada Seminar al-Quran dan al-Sunnah, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA, pada 18 September 2021 menyatakan bahawa dibenarkan pengajaran al-Quran secara *talaqqi* online bagi yang berbentuk pengajian biasa dan bertujuan membetulkan bacaan al-Quran. Namun menegaskan sekiranya bertujuan untuk mendapatkan ijazah dan sanad bacaan al-Quran ia perlu dilakukan secara bersemuka.

Kesimpulannya berdasarkan kepada situasi semasa dalam mendepani cabaran pandemic 19 khususnya pembelajaran dalam talian adalah satu kaedah yang sangat relevan dengan mengambil kira pelaksanaan berasaskan kemudahan teknologi moden tanpa mengabaikan asas-asas *talaqqi* yang diwarisi dari zaman Rasulullah saw dan sahabat r.a. Ia juga sesuai diimplimentasikan terhadap para pelajar IPT di era evolusi Industri 4.0 yang sememangnya menghadapi kekangan masa dalam memenuhi segala tuntutan akademik sepanjang pengajian mereka.

3. Pengajaran al-Quran melalui Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

Sesuai dengan dunia zaman teknologi, penggunaan ICT dilihat semakin meluas dan berkembang serta memberi impak terhadap bidang pendidikan, khususnya dalam bidang Pengajian Al-Quran. Kesan daripada perkembangan kaedah pembelajaran yang berasaskan teknologi telah mengubah sistem pembelajaran lebih banyak kearah penggunaan internet di

⁴⁹⁷ Ahmad Isa al-Ma'sorowi (2021), *Talaqqi al-Quran min Bu'd*. Seminar al-Quran dan al-Sunnah, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA. Lihat juga Nurul Huda bt Zainal Abidin (2022), *Pelaksanaan Talaqqi dan Musyafahah Serta Hubungannya dengan Penguasaan Bacaan Al-Quran Pelajar Program Tamayyuz Sekolah Menengah Agama Marang, Terengganu: UniSZA*, 71.

mana para pelajar berpeluang meneroka dan mempelajari pelbagai jenis ilmu pengetahuan dalam bidang al-Quran serta teknik-teknik pembelajaran dalam menguasai ilmu tersebut.

Hasil daripada pembangunan teknologi yang pesat telah mengaktifkan PPDT secara tidak langsung seterusnya membantu guru menjalankan kelas pengajaran melalui persidangan video secara langsung menggunakan aplikasi seperti Zoom, Google Meet Microsoft Teams, Youtube dan sebagainya. Selain itu, guru juga menggunakan pendekatan media sosial sebagai platform khas bagi memudahkan penyampaian ilmu dan lebih diminati murid, antaranya ialah Facebook, Whatsapp, Telegram Instagram, e-mail dan lain-lain lagi.⁴⁹⁸

Sehubungan itu, pemilihan medium untuk PPDT terutama untuk pembelajaran al-Quran melalui Model Tasmik secara dalam talian perlu diberi perhatian serta penambahbaikan. Meskipun terdapat banyak pilihan dan lambakan media pembelajaran yang boleh digunakan untuk PPDT, namun pendekatan dan teknik untuk pelaksanaan Model Tasmik al-Quran perlu di ambil kira. Hal ini kerana pembelajaran al-Quran perlu menekankan aspek penguasaan bacaan seperti aplikasi tajwid yang betul, sebutan dan makhraj yang tepat serta tumpuan dalam aspek kelancaran bacaan.⁴⁹⁹

Kesimpulannya, medium yang sesuai diguna pakai untuk pelaksanaan Model Tasmik al-Quran secara dalam talian ialah melalui persidangan video secara langsung seperti Whatsapp Video Call, Google Meet, Zoom dan juga Microsoft Teams. Dengan aplikasi ini, guru dan murid dapat berinteraksi secara langsung dan dapat melibatkan murid secara individu mahupun beramai-ramai dalam satu-satu masa. Maka, melalui PPDT, pengajaran dan pembelajaran al-Quran masih boleh diteruskan terutama apabila berada di dalam situasi seperti wabak pandemik COVID-19. Hal ini membuktikan pembelajaran al-Quran melalui PPDT juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan semasa dunia yang semakin maju menggunakan teknologi.

4. Program Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA (STAQU)

Kelas Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA (STAQU) ditubuhkan dan dijalankan pada tahun 2017 hasil inspirasi Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Sultan zainal Abidin (UniSZA). Program ini telah diangkat sebagai program flagship university bermula semester 1 sesi 2018/2018. Ia ditawarkan merentasi fakulti tanpa mengira bidang pengajian pelajar⁵⁰⁰. Program ini juga telah dimasukkan dibawah gagasan *flexible Education with Soul (flexS)* dibawah teras *ta'lim wa al-tarbiyyah* sebagai satu bentuk pembelajaran sepanjang hayat berkonsepkan pembinaan insan berilmu dan berketerampilan *soleh Musleh*.⁵⁰¹ Sehingga kini kelas Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA (STAQU) terus berjalan berkonsepkan kelas di luar waktu kuliah rasmi. Kebiasaannya dijalankan pada

⁴⁹⁸ Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli. (2021), *Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara Dalam Talian: Satu Pendekatan*. International Journal of Advance Research in Islamic Studies and Education (ARISE). Bangi: Unversiti Kebangsaan Malaysia, 7.

⁴⁹⁹ Supriyadi, T. & Julia, J.(2019), *The Problem of Students in Reading the Quran : A Reflective-Critical Treatment through Action Research*. International Journal of Instruction 12(1), 311.

⁵⁰⁰ Kamarul Shukri Mat Teh. (2023), *Citra Akademia*. Terengganu: Penerbit UniSZA, 78.

⁵⁰¹ PTNCAA & CoMAE-i. (2021) *flexible Education with Soul (flexS)* Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) & Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik, UniSZA, 15.

waktu malam atau pagi hujung minggu berdasarkan kelapangan pelajar-pelajar dan pensyarah. Selain membuka peluang kepada pelajar-pelajar bukan bidang al-Quran dan Qiraat untuk menghafaz al-Quran, antara objektif penubuhan kelas ini ialah untuk membantu para pelajar lepasan Tahfiz di pelbagai bidang pengajian di UniSZA untuk menjaga dan memperkembangkan hafazan al-Quran mereka.⁵⁰² Setiap tahun permohonan untuk memasuki kelas ini sangat menggalakkan sehingga terpaksa dipilih melalui proses temuduga kerana tempatnya adalah terhad.

Namun begitu antara masalah yang dihadapi oleh pengurusan Sijil Tahfiz al-Quran UniSZA (STAQU) ialah sebahagian pelajar-pelajarnya yang terhenti di tengah jalan kerana tidak mampu meneruskan program hafazan dan murajaah al-Quran. Setelah diselidiki antara faktor utama para pelajar menarik diri di tengah-tengah jalan ialah kerana faktor kesibukan dengan program rasmi akademik dan ko-kurikulum sehingga mereka tidak sempat menghadiri kelas tasmik selama 2 jam per sesi sebanyak 3 kali seminggu. Hasil tinjauan yang dilakukan terhadap 50 orang pelajar Sijil Tahfiz al-Quran menunjukkan bahawa 12% daripada mereka iaitu 6 orang dapat menghafaz al-Quran dengan ingatan yang baik (hafazan 100%) Ketika berada di Mahad atau institusi tahfiz sebelum memasuki UniSZA. Namun setelah memasuki UniSZA (sebelum memasuki program Sijil Tahfiz) bilangan pelajar yang mempunyai kadar hafazan 100% telah berkurangan sehingga 4% iaitu 2 orang pelajar. Manakala bagi kadar ingatan 80% ketika di Mahad Tahfiz adalah sebanyak 22% (11 pelajar) dan kadar ini berkurangan apabila mereka memasuki UniSZA kepada 10% (5 pelajar) . Keadaan ini menunjukkan bahawa apabila memasuki pusat pengajian tinggi para pelajar menghadapi masalah untuk menjaga hafazan al-Quran mereka secara bersendirian tanpa bimbingan atau program khas untuk mereka.

Sehubungan itu perlunya dikaji semula pelaksanaan kelas tasmik al-Quran secara tradisional dan bersemuka kepada satu kaedah yang lebih efisien sesuai dengan permasalahan pelajar dan suasana pandemik yang dialami sekarang. Suatu model tasmik al-Quran dalam talian akan dirangka khas berdasarkan ciri-ciri talaqqi dan musyafahah yang disesuaikan dengan pembelajaran atas talian sebagai alternatif kepada para pelajar Sijil Tahfiz UniSZA untuk menjaga hafazan mereka dengan efektif tanpa mengorbankan banyak masa untuk ke kelas fizikal. Model ini juga akan merangkumi aspek talaqqi, tasmik, murajaah dan ujian thabit yang mana semua ini dilakukan secara tradisional secara bersemuka sebelum ini.

5. Konsep dan Pelaksanaan Talaqqi Al-Quran

Kaedah dan pelaksanaan *al-talaqqi* dan *al-talqin* adalah seperti berikut:⁵⁰³

⁵⁰² Nor Hafizi Yusof. (2017) *Kertas Kerja Penubuhan Program Sijil Tahfiz UniSZA, (STAQU) UniSZA*, 2-3.

⁵⁰³ Abd al-Salam Muqbil al-Majidi (2000), *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut : Muassasah al-Risalah,

1. Bacaan guru ke atas pelajar sebagaimana yang dilakukan oleh malaikat Jibril a.s ke atas nabi s.a.w.
2. Pelajar diam, mendengar dan memahami bacaan guru.
3. Pelajar mengulangi ayat-ayat yang dibacakan oleh guru
4. Pelajar memastikan bacaan ulangan menepati bacaan guru
5. Pelajar mengulangi bacaan guru dengan menggerakkan kedua-dua bibir mulut iaitu bacaan secara *jahr* (kuat)

5.1 Tasmik sebagai salah satu kaedah Talaqqi al-Quran

Berdasarkan pengajaran Rasulullah dan para Qurra' Pembelajaran al-Quran mempunyai beberapa kaedah. Tasmik merupakan salah satu daripada kaedah pembelajaran al-Quran khususnya dalam hafazan al-Quran. Ia termasuk dalam salah satu daripada kaedah pembelajaran al-Quran yang dinamakan sebagai al-Talaqqi.

Secara asasnya *talaqqi musyafahah* mengandungi dua komponen utama dalam pelaksanaannya iaitu:

1. *Al-Talqin* (التلقين) atau *al-iqra'* (الإقراء) yang bermaksud guru membacakan kepada murid dan murid mengikuti bacaan guru tersebut
2. *Al-Ard'* (العرض) atau *al-Tasmi'* (التسميع) yang bermaksud pelajar membaca dihadapan guru dan guru menyemak bacaan pelajar.

5.2 Pelaksanaan Talaqqi dan Musyafahah dalam Pembelajaran al-Quran Zaman Rasulullah s.a.w

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w bermula apabila turunnya wahyu daripada malaikat Jibril a.s di Gua Hira'. Wahyu yang berupa bacaan al-Quran secara bertalaqqi ini sekali gus melantik baginda Rasulullah s.a.w sebagai nabi dan rasul yang akan menyampai dan mengajarkan kepada umat baginda apa yang baginda terima daripada malaikat Jibril a.s yang berbentuk bacaan al-Quran.

Setelah menerima al-Quran secara terus daripada malaikat Jibril baginda sentiasa mengulangi bacaannya bagi tujuan mempelajari serta menghafaznya sehingga dirakam oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

Janganlah Engkau (Wahai Muhammad) (kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; Kemudian, Sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (Al-Quran 75: 16-18)

Ayat di atas menggambarkan bagaimana proses permulaan Rasulullah s.a.w yang agak cemas dan gopoh dalam mengulangi bacaan dan menghafaznya sehingga ditegur dan diberi

jaminan penjagaannya oleh Allah s.w.t sehinggalah baginda mendengar dengan tenang bacaan Jibril a.s, memerhatikan serta mengikuti bacaannya sebagaimana yang diturunkan. Proses ini berlaku akibat tekanan suasana yang cemas kerana pengalaman yang baru dihadapi dengan kedatangan malaikat Jibrail a.s.⁵⁰⁴

Ketika bertalaqqi dengan Jibril a.s proses pembelajaran Rasulullah s.a.w adalah seperti berikut.⁵⁰⁵

1. Mendengar dan mengikuti bacaan al-Quran seusai Jibril a.s membacakan kepada baginda
2. Mengulangi bacaan al-Quran selepas selesai bacaan Jibril a.s kepada baginda bagi menenangkan hati baginda melalui menghafaznya.
3. Membaca dengan *tartil* secara perlahan-lahan, tenang dan jelas bacaannya.
4. Membaca dengan suara yang baik (التغني) dan mengulang-ulang bacaan tersebut dengan tujuan meningkatkan kesan bacaan pada hati serta memperbaiki persembahan melalui praktikal hukum-hukum tajwidnya (الترجييع)
5. Membaca dan mengajarkan kepada umatnya sebagaimana baginda menerimanya daripada Jibril a.s dari segi penuturan lafaz dan gaya bacannya.
6. Mengulangi atau *murajaah* ayat-ayat yang dihafaz bagi mengekalkan hafazan
7. Mengukuhkan *murajaah* melalui bacaan ketika solat malam dan *Murajaah* bersama Jibril a.s secara tahunan pada setiap bulan Ramadhan.

5.3 Kaedah Hafazan berkesan sebelum Tasmik

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran terdapat beberapa komponen yang memberikan kesan kepada pelajar iaitu aspek individu yang merangkumi kekuatan dalaman, motivasi, kestabilan emosi, ketenangan jiwa, kekuatan fizikal dan mental. Keduanya aspek guru yang merangkumi kaedah pengajaran motivasi guru dan bahan yang digunakan dalam pengajaran di samping sistem sokongan Pendidikan termasuk kelas kemudahan fizikal, infarastruktur bangunan, lokasi.⁵⁰⁶

Hafazan mempunyai beberapa peringkat iaitu:⁵⁰⁷

1. Peringkat keperluan menghafaz
2. Peringkat sedar dan penumpuan
3. Peringkat meyimpan maklumat
4. Peringkat Menyusun maklumat
5. Peringkat mengingat dan mengembalikan maklumat

⁵⁰⁴ Said Ramadhan. (1991), *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri, 15.

⁵⁰⁵ Abd al-Salam Muqbil al-Majidi (2000), *Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut : Muassasah al-Risalah,

⁵⁰⁶ Kamarul Azmi Jasni & Ab. Halim Tamuri. (2019), *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor : UTM Press,246-247.

⁵⁰⁷ Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 5

Peringkat ini berlaku bermula awal proses melancarkan ayat-ayat sebelum dihafaz sehinggalah selesai tasmik dengan guru dan berterusan dalam amalan murajaah. Bagi memastikan pelajar dapat melaksanakan proses Tasmik al-Quran dengan baik dan berkesan beliau mestilah melalui kaedah hafazan yang betul. Kaedah tersebut ialah:⁵⁰⁸

1. Ikhlasikan niat menghafaz kerana Allah
2. Menghafaz setelah dipastikan bacaannya betul dari segi hukum Tajwid
Selepas talaqqi dengan guru, baca dengan melihat Mushaf sebanyak 10-20 kali. Sekiranya terdapat kalimah-kalimah yang sukar untuk disebut boleh merujuk guru atau mendengar rakaman Qari yang mutqin seperti Syeikh Mahmud Khalil al-Husori.
3. Menetapkan kadar hafazan mengikut kemampuan
Tetapkan hafazan sebanyak satu hingga 2 muka sehari. Bermula hafazan baris pertama, ulang sebanyak 10 kali atau sehingga ingat, kemudia beralih ke baris atau atau potongan seterusnya ulang sebanyak 10 kali atau sehingga ingat dan lancar. Kemudia ulang bari atau potonga pertama dan kedua ulang sebanyak 10 kali. Begitulah seterusnya sehingga selesai 1 mukasurat dengan lancar.
4. Mempunyai keazaman yang tinggi dan kesabaran dalam kesusahan menghafaz
5. Konsisten dan berterusan menghafaz dan menjaga hafazan.
Perlu menetapkan jadual hafazan dan murajaah harian seperti hafazan 1 muka surat sehari dan murajaah sebanyak 3 juzuk sehari. Ulangan lama memasti dilakukan selepas ulangan hafazan baru.

6. Model Tasmik Al-Quran Dalam Talian

Bahagian ini akan membincangkan tentang model tasmik yang dicadangkan berdasarkan Pengajaran al-Quran melalui Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian.

6.1 Pelaksanaan Talaqqi dan Musyafahah

Talaqqi sangat penting dalam proses pengajaran al-Quran kerana terdapat beberapa kalimah al-Quran yang tidak sama sebutannya sebagaimana penulisannya seperti □ □ Surah an-Naml ayat 21. Ia juga merupakan amalan Rasulullah saw sekaligus merealisasikan kesinambungan sanad bacaan al-Quran⁵⁰⁹ dari awal hingga akhirnya.

Hal ini dikuatkan lagi dengan penjelasan Ustaz Wan Mohd Hazim Bin Wan Mohd Hashim Pegawai Masjid Abidin Terengganu Darul Iman dalam Maqalah Dakwah BIL. 10 / 20 April 2012 sebagaimana berikut:

1. Menjaga kesahihan bacaan al-Quran.
2. Bacaan seseorang murid akan ditegur secara langsung oleh guru sekiranya terdapat kesalahan bacaan.

⁵⁰⁸ Durayd Ibrahim. (2018) *Ihfaz al-Quran Kama Tahfaz al-fatihah*. Arbil: Dar al-Tafsir, 47-49

⁵⁰⁹ Muhammad al-Dusuki Amin. (2012), *al-Nur Wa al-Burhan fi Ahkam Tilawah al-Quran*. Kaherah : Maktabah Aulad al-Sheikh Li al-Turath: 19

3. Murid dapat melihat sendiri pergerakan mulut guru apabila menyebut sesuatu bacaan kerana al-Quran.
4. Murid lebih memberi perhatian jika guru berada di hadapannya berbanding jika hanya belajar al-Quran melalui buku-buku dan sebagainya.
5. Sentiasa mendapat nasihat daripada guru sebagai perangsang dan semangat dalam mempelajari al-Quran.

Dalam Model Tasmik Online, pelaksanaan talaqqi dan musyafahah boleh dilaksanakan melalui 3 cara iaitu:

1. Guru bertalaqqi secara dua hala secara online
2. Guru merekodkan bacaan al-Quran dan penerangan ringkas berkaitan hukum tajwid berkaitan ayat talaqqi dan pelajar mendengar bacaan guru, mamahami dan mengikutinya.
3. Guru memberikan contoh bacaan qari terpilih berdasarkan ketetapan tasmik

Cara yang terbaik adalah cara yang pertama dimana ianya berlaku hubungan dua hala melalui dalam talian. Guru harus memilih medium yang terbaik dan sesuai dengan kemudahan antara pelajar dan guru umpamanya Webex, google meet zoom dan sebagainya. Proses talaqqi dilakukan pada awal kelas dalam masa 15 minit pertama kelas dengan kadar bacaan 1 rubu' setiap pertemuan.

Sekiranya berlaku kekangan masa maka boleh dipilih cara yang kedua dan ketiga dan pengesahan bacaan pelajar dilakukan ketika tasmik.

6.2 Pelaksanaan Tasmik

Jadual 1: Tasmik Baru & Murajaah

HARI	AKTIVITI	RUBU'
HARI 1	TASMIK HAFAL BARU	1
HARI 2	TASMIK HAFAL BARU	2
HARI 3	TASMIK HAFAL BARU	3
HARI 4	TASMIK MURAJAAH BERPASANGAN	1-3

Pertemuan secara online adalah 3 kali seminggu sebagaimana ketetapan kelas sijil Tahfiz al-Quran UniSZA. Sebaiknya kelas dilakukan selang sehari umpamanya Jumaat/sabtu, Isnin dan Rabu. Pada hari minggu boleh diadakan kelas pagi dan hari kuliah diadakan pada waktu malam selama dua jam setiap pertemuan. Hari ke empat tiada dalam jadual cuma pelajar boleh memilih hari yang sesuai untuk tasmik berpasangan dengan sesama pelajar dan guru perlu memantau melalui penyediaan borang laporan atau laporan secara terus melau group tasmik whats app atau telegram.

6.3 Pelaksanaan Murajaah

Daya ingatan terbahagi kepada tiga iaitu ingatan bertempoh, ingatan sementara dan ingatan kekal.⁵¹⁰ Justeru pelaksanaan kaedah murajaah yang betul sangat penting bagi memastikan daya ingatan sementara dapat dipahat kepada daya ingatan yang kekal. Perkara penting yang perlu ditekankan kepada pelajar ialah aspek disiplin dan konsistensi dalam murajaah al-Quran. Dr Mustafa Murad menyatakan bahawa hafazan al-Quran yang baik memerlukan murajaah yang banyak dan berterusan umpamanya menetapkan masa yang khusus setiap hari, minggu dan bulan, ketika solat, dan juga ketika dalam perjalanan dan dalam kenderaan.⁵¹¹

Dalam proses murajaah aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh pelajar ialah:

- i. Kedudukan ayat dalam muka surat
- ii. Kedudukan ayat dalam rubu' atau maqra'
- iii. Kedudukan ayat dalam juzuk
- iv. Kedudukan ayat dalam surah
- v. Nombor muka surat atau kedudukan awal rubu' dalam setiap juzuk

Perkara ini perlu ditekankan semasa murajaah bagi membolehkan pelajar-pelajar bukan sahaja boleh membaca atau tasmik bermula awal juzuk atau rubu' bahkan boleh menyambung serta menyatakan kedudukan ayat sekiranya disoal.

Murajaah boleh dibahagikan kepada dua iaitu murajaah baru dan murajaah lama. Bagi murajaah baru pelajar perlu ditekankan supaya selepas sahaja tasmik hafazan baru mereka perlu mengekalkan hafazan tersebut dengan mengulanginya sebanyak 10-20 kali dalam hari tersebut. Selepas tasmik baru rubu' kedua. Pelajar hanya perlu mengulangi sekali sahaja hafazan rubu' 1 sebelum ini berserta 10-20 kali yang baru selesai tasmik pada hari tersebut (rubu' dua) dan begitulah seterusnya. Pada hari ke empat pelajar akan tasmik rubu' yang telah dihafaz (1-3) bersama pasangan pilihan masing-masing. Sekiranya terdapat kekangan masa maka boleh digunakan kaedah soalan (sambung atau tebuk) sebanyak dua soalan satu rubu' bagi memastikan ayat-ayat yang telah dihafaz terus kekal dalam ingatan.

Di samping itu pelajar juga perlu ditekankan untuk menjaga disiplin dan konsistensi murajaah lama secara sendiri sekurang-kurangnya tiga juzuk sehari dengan memilih waktu yang sesuai dengan jadual harian pelajar umpamanya selepas subuh dan maghrib.

Jadual 2: Murajaah Kendiri dan Berpasangan Selepas Tasmik

RUBU'	1	2	3
HARI 1	10		
HARI 2	1	10	
HARI 3	1		10
HARI 4	TASMIK BERPASANGAN (MURAJAAH)		

⁵¹⁰ Zulkifli Mohamad al-Bakri (2013), *Hebatnya Kuasa Hafazan*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 4.

⁵¹¹ Mustafa Murad. (2013), *Kaifa Tahfaz al-Quran*. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Nasyr, 14-15.

Keterangan:

1. Pelajar perlu tanda (/) pada ruangan nombor selepas setiap kali selesai murajaah baru (selepas tasmik dengan ustaz)
2. Sehari pelajar perlu ulang sebanyak 10 kali murajaah baru selepas tasmik dengan ustaz tanpa melihat mushaf
3. Pada setiap hari ke empat pelajar perlu tasmik tiga maqra' yang dihafal bermula hari pertama hingga hari ke tiga.

6.4 Pelaksanaan Ujian Thabit Hafazan

Penilaian atau pentaksiran dalam pembelajaran al-Quran boleh dilakukan dalam beberapa peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas pengajaran.⁵¹² Sehubungan itu, bagi memastikan hafazan yang telah ditasmik kekal dalam ingatan, antara kaedah yang digunakan ialah melalui ujian thabit yang dilakukan selepas pembelajaran atau selepas selesai tasmik silibus yang ditetapkan. Ujian thabit yang baik perlulah memenuhi aspek-aspek yang telah dinyatakan dalam bab murajaah sebelum ini. Justeru itu soalan-solannya mestilah merangkumi aspek-aspek yang telah dinyatakan bermula dari tahap mudah hingga tahap sukar iaitu:

1. Tahap mudah
 - i. Bermula awal surah atau awal juzuk
 - ii. Bermula awal *rubu'* atau maqra'
 - iii. Bermula awal muka surat
2. Tahap sederhana
 - i. Bermula Tengah-tengah muka surat
 - ii. Bermula Tengah-tengah *rubu'* atau maqra'
3. Tahap sukar
 - i. Bermula akhir muka surat dan diminta menyambung muka surat selepasnya
 - ii. Menyatakan kedudukan ayat (dalam surah, juzuk, *rubu'* atau muka surat berapa)

Bentuk soalan boleh digunakan dalam dua bentuk persoalan iaitu soalan bertulis (*tahriri*) dan soalan lisan (*syafawi*). Kedua-dua bentuk ini boleh digunakan bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa & suasana. Soalan *syafawi* umpamanya guru boleh melakukannya secara langsung (live) atau merekodkan soalan-soalan bersesuaian mengikut kategori yang ditetapkan dan disesuaikan dengan *muqarrar* semasa dan pelajar boleh akses pada waktu yang ditetapkan. Begitu juga soalan *tahriri* boleh dilakukan secara quiz online melalui medium-medium yang sesuai atau yang ditetapkan seperti di UniSZA yang menggunakan sistem kelip.

⁵¹² Kamarul Jasmi & Mohd Aderi Che Noh (2013), *Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran*. Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA. Lecture Hall, Masjid Negara, Kuala Lumpur, 7.

6.1 Kesimpulan dan Penutup

Kajian ini diharapkan manjadi salah satu sumbangan dalam bidang Tahfiz al-Quran. Hal ini kerana zaman pasca pandemik ini sistem tasmik secara online masih di amalkan di beberapa pusat pengajian al-Quran. Ia juga telah diterima umum oleh pengajar serta para pelajar sendiri sebagai salah satu alternatif dalam pembelajaran al-Quran khususnya dalam bidang tahfiz al-Quran. Sehubungan itu, panduan Tasmik dalam talian yang dihasilkan ini sangat menepati keperluan semasa dalam bidang ini bagi memastikan ianya dapat dijalankan dengan kaedah yang betul dan berkesan. Panduan ini dirangka berdasarkan analisis kekuatan dan kelemahan pelajar dalam bidang serta mengambil kira beberapa pendapat serta pengalaman pakar dalam bidang Tahfiz al-Quran. Modul ini sebagai cadangan untuk diguna pakai sebagai panduan di peringkat universiti, sekolah-sekolah menengah kementerian aliran Tahfiz, Imtiaz dan MRSM Ulul Albab dan lain-lain institusi yang sealiran dengannya.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abd al-Salam Muqbil al-Majidi (2000). "Talaqqi al-Nabiy Alfaz al-Quran al-Karim". Beirut : Muassasah al-Risalah.

Ahmad Isa al-Ma'sorowi (2021) "Talaqqi al-Quran min Bu'd". Seminar al-Quran dan al-Sunnah, Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA

Anuar bin Hasin, Norazman bin Alias, Zainora binti Daud (2020). "Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Di Era Covid-19: Satu Tinjauan Menurut Perspektif As-Sunnah". *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020*. FPQS,Universiti Sains Islam Malaysia

Durayd Ibrahim. (2019). "Ihfaz al-Quran Kama Tahfz al-Fatihah". Mesir: Maktabah al-Tafsir

Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli. (2021). "Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara Dalam Talian: Satu Pendekatan". *International Journal of Advance Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*. Bangi: Unversiti Kebangsaan Malaysia.

Hapini Awang, Wan Rozaini Sheik Osman & Zahurin Mat Aji. (2019). "A Conceptual Model to Evaluate Virtual Learning Environment among Malaysian Teachers". *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering* 10(2-4).

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2013). "Hebatnya Kuasa Hafazan". Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd <https://www.muftiwp.gov.my> 10 Julai 2022

- Japhet E. Lawrence & Usman A. Tar (2018). "Factors That Influence Teachers' Adoption And Integration Of ICT In Teaching / Learning Process". *Educational Media International* 55(1)
- Kamarul Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. (2013). "Sejarah, Kaedah, serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran". *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA. Masjid Negara, Kuala Lumpur*
- Kamarul Azmi Jasni & Ab. Halim Tamuri. (2019). "Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran". *Johor : UTM Press*
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2023) "Citra Akademia". *Terengganu: Penerbit UniSZA.*
- Kyungmee Lee (2017) "Rethinking The Accessibility Of Online Higher Education: A Historical Review". *The Internet and Higher Education.*
- Muhammad al-Dusuki Amin. (2012). "Al-Nur Wa al-Burhan fi Ahkam Tilawah al-Quran. Kaherah" : *Maktabah Aulad al-Sheikh Li al-Turath*
- Mustafa Murad. (2013). "Kaifa Tahfaz al-Quran. Kaherah": *Dar al-Fajr li al-Nasyr*
- Nor Hafizi Yusof. (2017) "Kertas Kerja Penubuhan Program Sijil Tahfiz UniSZA", *Terengganu: UniSZA*
- Nurul Huda bt Zainal Abidin (2022). "Pelaksanaan Talaqqi dan Musyafahah Serta Hubungannya dengan Penguasaan Bacaan Al-Quran Pelajar Program Tamayyuz Sekolah Menengah Agama Marang". *Terengganu: UniSZA.*
- Panigrahi, R., Srivastava, P. R. & Sharma, D. (2018). "Online Learning: Adoption, Continuance, And Learning Outcome—A review of Literature". *International Journal of Information Management.*
- Said Ramadhan. (1991) "Fiqh Sirah Nabawiyah". *Beirut: Darul Fikri.*
- Supriyadi, T. & Julia, J.(2019) "The Problem of Students in Reading the Quran : A Reflective-Critical Treatment through Action Research". *International Journal of Instruction* 12(1)
- Syed Lamsah Syed Chear (2017) "Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta". *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2)